

SekitarJPA

Kupasan Perjalanan Transformasi JPA

Edisi 14: 16—31 Ogos 2015



MENARIK DI DALAM

- Pertandingan Nyanyian Lagu Patriotik JPA3
- *Leadership Fair*5
- Pemberian Faedah Terbitan Kematian6



SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2015

KUALA LUMPUR, 31 Ogos - Semangat cintakan negara terpancar di setiap wajah ribuan insan daripada segenap lapisan dan kaum yang membanjiri Dataran Merdeka untuk meraikan sambutan Hari Kebangsaan 2015.

Lautan manusia termasuk pelancong asing mengambil peluang menghayati tema sambutan 'Sehati Sejiwa' dengan menampilkan semangat patriotisme dan kebersamaan pada acara sambutan peringkat kebangsaan penuh warna-warni dan meriah itu.

Semangat kesatuan itu ditunjukkan melalui persembahan bertenaga dan perbarisan oleh hampir 13,000 peserta pelbagai kontinjen termasuk daripada sektor awam dan swasta, pelajar serta anggota pasukan keselamatan.

Tidak ketinggalan Kontinjen Perkhidmatan Awam yang diketuai oleh JPA turut sama berarak dalam Sambutan Hari Kebangsaan 2015. Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam juga turun awal pagi untuk meluangkan masa bersama-sama para Kontinjen,

beramah mesra dan menyampaikan amanat ringkat kepada semua yang hadir.

Acara sambutan dimulakan dengan acara 'Derap Seragam', iaitu persembahan terbaru oleh 900 pegawai dan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) disusuli persembahan serentak bersama-sama pelajar dengan melakukan kawad berirama.

Acara bacaan ikrar oleh lima ikon generasi muda dengan diketuai Noradzmi Baba daripada Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang telah terlibat dalam acara sambutan Hari Kebangsaan sejak 1987.

Mereka adalah anak muda kelainan upaya Muhammad Zahriff Affandi yang juga penerima anugerah Ikon Belia Negara, personaliti televisyen dan radio Fara Fauzana, ratu wushu negara Diana Bong Siong Lin, malim gunung Mohd Rizuan Kauhinin dan guru, Louis Marie Neubert Ambrose.

Acara sambutan turut disiarkan secara langsung menerusi televisyen tempatan.



SAMBUNGAN. SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2015



SEKITAR SESI RAPTAI SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN 2015

Sesi raptai Sambutan Hari Kebangsaan 2015 telah bermula sejak 26 Ogos 2015 sehingga 29 Ogos 2015. Seramai 70 orang warga JPA terlibat mengikuti perarakan Kontinjen Perkhidmatan Awam pada tahun ini. Ketua Kontinjen JPA ialah Dato' Dr. Ahmad Jailani Muhamed Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) dan Penolong Ketua Kontinjen ialah Dr. Rose Lena Lazemi, Pengarah Bahagian Transformasi Sektor Awam.

Tahniah & Syabas diucapkan kepada warga JPA yang terlibat! #sehatisejiwa



PERTANDINGAN NYANYIAN LAGU PATRIOTIK JPA 2015

Sempena Bulan Kebangsaan, PUSPANITA JPA dengan kerjasama Kelab JPA telah menganjurkan Pertandingan Nyanyian Lagu Patriotik JPA 2015 pada 18 Ogos 2015, jam 2.30 petang bertempat di Ruang Legar MAKSWIP, Aras 7, Blok C1, JPA.

Pertandingan ini diadakan sebagai salah satu medium untuk menyemarakkan semangat patriotik dan rasa cinta terhadap negara dan juga mencungkil bakat warga JPA dalam bidang seni suara. Puan Sri Asmahan Ismail, Pengerusi PUSPANITA JPA telah sudi hadir ke majlis ini dan menjadi juri pertandingan bersama dua lagi juri jemputan iaitu Puan Azian Mazwan Safwan serta Encik Fairuz bin Mohamad.

Seramai 18 orang peserta dari semua bahagian di JPA telah menyertai pertandingan ini. Mereka menyampaikan lagu-lagu patriotik seperti Malaysia Baru, Tanah Pusaka, Malaysia Tanahairku dan banyak lagi.

Tiga orang peserta terbaik telah dipilih dan peserta-peserta ini akan membuat persembahan sewaktu Hari Terbuka PUSPANITA JPA yang akan diadakan tidak lama lagi. Mereka yang terpilih ialah Puan Milah Rabun dari Bahagian Khidmat Pengurusan, Puan Amy Lydia Adnan dari Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Dasar serta Encik Rafznan Mohamad dari Bahagian Pembangunan Modal Insan.

Pertandingan ini turut diserikan lagi dengan persembahan khas daripada artis JPA iaitu Puan Siti Nasryreen Zaharin dengan lagu Putra Putri, dan Encik Mohd Fairus Zainal Abidin dengan lagu Bahtera Merdeka.



LAUNCHING OF PEMUDAH ANNUAL REPORT



On 17 August 2015, Prime Minister Datuk Seri Najib Razak launched the Special Taskforce on Facilitating Business (Pemudah) Annual Report 2014, which has completed its eighth year of operation in February. Dato' Seri Najib said Pemudah members have delivered sterling service in expediting the public-private sector initiatives, which are integral in realising our Economic and Government Transformation Programmes.

Dato' Seri Najib in his speech said that the work of Pemudah are appreciated both by the government and corporate suites, as the ideas introduced by them are integral to the policies and processes of the government to maintain Malaysia's economic trajectory. Some of the few major improvements made through Pemudah include the mandatory online incorporation for businesses, the reformed processes for Kuala Lumpur City Hall (DBKL) construction permits that have been reduced from 15 to 9 and the launch of Kuala Lumpur Integrated Submission Be Efficient, Systematic & Transport (KLIS BEST) system by DBKL in simplifying development approvals.

The transformation achieved has already been rewarded by recognition by series of international bodies including the World Bank, World Economic Forum and Institute of Management Development, placing Malaysia higher in their rankings for ease of doing business and competitiveness.

HARI PESARA 1MALAYSIA 2015

Pada 19 Ogos 2015 telah berlangsung Majlis Sambutan Hari Pesara 1Malaysia 2015 di Universiti Putra Malaysia. Majlis ini telah disertai oleh seramai 600 orang pesara Kerajaan.

Dalam ucapan beliau, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, yang hadir mewakili Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara telah merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih atas sokongan padu dan kerjasama erat yang dizahirkan oleh Kelab Pesara Kerajaan 1Malaysia (KUPEKMAS) dan Yayasan Pesara Kerajaan Malaysia dalam menjayakan Hari Pesara 1Malaysia 2015 ini.

Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal menggesa agar hubungan dan kerjasama secara Lautan Biru Kebangsaan atau NBOS ini terus dipelihara dan disuburkan, agar terus berkekalan dan menatiuhkan manfaat, demi kebaikan Perkhidmatan Awam Negara dan kesejahteraan para penjawat awam.

Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal juga, dalam ucapan beliau menggesa golongan pesara untuk membantu Kerajaan membetulkan pelbagai fitnah yang disebarluaskan terutama sekali di media sosial. Golongan pesara boleh mainkan peranan yang amat berkesan dalam membantu Kerajaan menangani fitnah yang berleluasa kerana mereka lebih memahami dasar-dasar Kerajaan. Selain itu, Tan Sri juga memohon kepada para pesara untuk terus memberikan komitmen dan sokongan yang tidak berbelah bagi kepada Kerajaan bagi memastikan agenda Kerajaan ke arah mencapai status negara yang maju dan berpendapatan tinggi tercapai.



PROGRAM PROJEK RINTIS BLUE OCEAN LEADERSHIP "LEADERSHIP FAIR"

19 OGOS 2015 - Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), JPA telah menganjurkan *Leadership Fair* di Auditorium JPA, Aras 4, C1. Program ini merupakan platform kepada warga JPA untuk memahami serta menghayati amalan kepimpinan terbaik dalam melaksanakan peranan yang diamanahkan sebagai pemimpin di pelbagai peringkat dalam organisasi.

Dalam ucapan beliau, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam telah menyatakan rasa bertuah kerana warga JPA merupakan kumpulan pertama yang terlibat atau sekurang-kurangnya mendapat maklumat awal mengenai sebarang inisiatif baharu dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan awam. Maka, JPA seharusnya menjadi perintis dan yang pertama bertindak untuk melaksanakan perubahan dalam Perkhidmatan Awam.

Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal memberikan contoh JPA sendiri, iaitu apabila transformasi Perkhidmatan Awam diperkenalkan pada tahun 2013, JPA merupakan peneraju yang menghasilkan Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam dan seterusnya menyebarluaskan inisiatif tersebut kepada kementerian dan agensi melalui Lab Transformasi Perkhidmatan Awam. Pendekatan serupa juga digunakan terhadap inisiatif Blue Ocean Leadership. Ini menunjukkan stakeholders mempunyai kepercayaan yang tinggi kepada JPA untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif utama merentasi sektor awam.

Inisiatif Blue Ocean Leadership atau B.O.L. diperkenalkan bagi memantapkan lagi kepimpinan dan meningkatkan keterlibatan warga kerja dalam sesbuah organisasi. B.O.L. merupakan satu pendekatan sistematik bagi memantapkan amalan kepimpinan ke arah memaksimumkan bakat dan modal insan sedia ada dalam usaha meningkatkan prestasi organisasi. INTAN dipilih untuk menerajui pelaksanaan inisiatif ini dengan menjadikan Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai projek rintis kerana INTAN sebagai gapura ilmu mempunyai kepakaran dan keupayaan untuk melaksanakan inisiatif B.O.L..

Dalam tempoh tidak sampai lima bulan, JPA/INTAN telah berjaya menghasilkan profil kepimpinan. Tahniah dan Syabas kepada *Profiling Experts* yang terdiri daripada 32 pegawai JPA dan INTAN yang telah bertungkus lumus menjadikannya satu kenyataan. Penghargaan juga kepada 125 responden di pelbagai peringkat yang telah memberi input serta maklum balas dalam membangunkan profil kepimpinan JPA. Selepas pelaksanaan di peringkat JPA, B.O.L. akan diperluas ke kementerian lain dengan hasrat untuk menambah baik Perkhidmatan Awam keseluruhannya. Semua Profiling Experts yang di lahirkan akan meneruskan tugas untuk membimbing semua kementerian dalam membangunkan corak kepimpinan baharu di kementerian-kementerian berkenaan.



MAJLIS PELANCARAN BUMIPUTERA OF TOMORROW (BAHTERA)



Pada 19 Ogos 2015, YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Razak telah melancarkan program Bahtera *Bumipreneurs of Tomorrow* di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). Program ini merupakan inisiatif Kementerian Kewangan dan Unit Strategi Nasional yang turut disertai oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan selain syarikat-syarikat dari komuniti usahawan bumiputera yang turut menyediakan perkongsian ilmu dan bengkel keusahawanan.

BAHTERA merupakan satu lagi inisiatif baharu yang juga satu platform mengumpul data mengenai usahawan bumiputera dan boleh digunakan untuk pemerkasaan mereka. Bahtera merupakan program kesedaran untuk menyediakan usahawan bumiputera menghadapi alam perniagaan dengan menggunakan teknologi, model perniagaan baharu dan rangkaian niaga untuk memastikan daya kemampunan. Dengan adanya data ini, maka Kerajaan boleh menyampaikan maklumat secara lebih fokus kepada komuniti usahawan bumiputera tentang bagaimana mereka boleh mengembangkan aktiviti keusahawanan mereka.

Bahtera juga membolehkan usahawan menjalin hubungan dalam perniagaan dan menyokong *supply chain* (rangkaian bekalan) antara satu usahawan dengan usahawan lain, dan untuk mereka mendapatkan produk dari usahawan lain.

YAB Perdana Menteri turut menekankan bahawa jalinan kerjasama dan sokongan antara kalangan usahawan merupakan satu perkara yang harus diamalkan untuk memperkasakan komuniti usahawan bumiputera.

PEMBERIAN FAEDAH TERBITAN KEMATIAN BERKAITAN KEMATIAN DALAM PERKHIDMATAN



Pada 22 Ogos 2015, Tan Sri Mohamad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam berkesempatan menziarahi Keluarga Gemulah Puan Lina Akmal Mustapa Kamal, yang merupakan seorang Penolong Pegawai Tadbir di INTAN Kampur Wilayah Utara (INTURA) di Ipoh, Perak. Kehadiran Tan Sri bertujuan memaklumkan pemberian faedah terbitan kematian berkaitan kematian dlm perkhidmatan gemulah Puan Lina, di samping berjumpa dengan ahli keluarga beliau.

Kunjungan Tan Sri serta ahli-ahli pengurusan tertinggi yang lain menunjukkan keprihatinan pihak JPA terhadap warganya, sekaligus memastikan agar urusan-urusan perkhidmatan dan kebajikan warga sentiasa diuruskan dengan baik.

SESI TRANSHARE TRANSFORMASI JPA



Pada 21 Ogos 2015 telah berlangsung Sesi Transhare Transformasi JPA bersama-sama Para Pegawai Gred Jusa C dan 54. Seramai 68 orang telah hadir ke Sesi pada kali ini. Sesi Transhare merupakan program yang diadakan dari semasa ke semasa sebagai pendedahan kepada warga terhadap inisiatif transformasi yang dilaksanakan, di samping membina motivasi dan perangsang kepada warga untuk melaksanakan transformasi. Sesi ini juga merupakan sebuah medium untuk mengemukakan idea-idea baharu bagi membaiki mutu peyampaian perkhidmatan.

Dalam ucapan beliau, Dato' Jalil Marzuki, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan) telah menyentuh tentang bakat. Bakat yang baik adalah gabungan bakat dengan sikap fleksibel, berintegriti dan mempunyai pengetahuan yang tinggi. Berdasarkan kajian transformasi yang telah dijalankan di INTAN, mendapat bahawa terdapat empat peringkat dalam proses transformasi yang telah diperkenalkan oleh pihak Kerajaan. Proses tersebut ialah penafian, terus menolak, pendedahan dan komitmen. Berdasarkan kajian tersebut juga, hasil mendapat terdapat perubahan dari fasa negatif ke arah yang positif sepanjang proses transformasi berlaku. Selepas Julai 2013, peralihan positif telah berjalan ke arah komitmen terhadap transformasi dalam kalangan penjawat awam.

MAJLIS PENTAUERIAH JURUAUDIT DALAMAN SISTEM PENGURUSAN KUALITI MS ISO 9001:2008 JPA SESI 2015/2016

Pada 24 Ogos 2015 telah berlangsung Majlis Pentauerian Juruaudit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 JPA Sesi 2015/2016 di Mezzanine, Aras 2, C1, JPA.

Seramai 28 orang juruaudit telah dilantik bagi Sesi 2015/2016. Dalam amanat beliau, Dato' Dr. Ahmad Jailani Muhammed Yunus, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) telah menasihatkan juruaudit yang baru dilantik agar menjalankan tugas yang diamanahkan dengan penuh bertanggungjawab dan integriti.

Juruaudit yang dilantik memegang amanah melaksanakan tugas-tugas berikut:

- i. Memastikan pelaksanaan Audit Dalaman mengikut jadual dan arahan Ketua Juruaudit;
- ii. Merekod bukti-bukti pengauditan dengan jelas dan komprehensif dalam Senarai Semak Audit;
- iii. Melaporkan penemuan audit melalui Laporan Ketakakuran dan Peluang Penambahbaikan;
- iv. Memantau dari semasa ke semasa status maklum balas Laporan Ketakakuran dan Peluang Penambahbaikan daripada Auditee; dan
- v. Menyerahkan rekod-rekod pengauditan kepada Ketua Juruaudit.



HARI KEBANGSAAN 2015

Tema & Logo Sambutan Hari Kemerdekaan atau Hari Kebangsaan Malaysia 2015: Tanggal 31 Ogos 2015 merupakan ulang tahun kemerdekaan negara Malaysia ke 58. Pada tahun ini "Sehati Sejiwa" dipilih menjadi tema hari kemerdekaan yang mencerminkan roh kesepadan, kesefahaman, kekitaan dan kemanusiaan seluruh rakyat Malaysia.

Pada tahun ini juga, sambutan kemerdekaan negara Malaysia tidak lagi menggunakan ungkapan "Hari Kemerdekaan ke 58" tetapi hanya "Hari Kemerdekaan 2015" untuk menyeragamkan antara Sarawak, Sabah dan Semenanjung kerana penggabungan Malaysia yang sebenarnya adalah pada tarikh 16 September 1963 (Hari Malaysia) manakala 31 Ogos 1957 hanya melibatkan Semenanjung sahaja.

Tema Rasmi Sambutan Hari Kemerdekaan 2015 - Sehati Sejiwa

"Sehati Sejiwa" bermaksud bersatu hati dalam perpaduan antara negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Ia turut membawa maksud bersama saling memahami dan membantu antara satu sama lain.



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM

Blok C1-C3, Kompleks C, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62510 W.P. Putrajaya, Malaysia | Telefon: 603 8000 8000

Sumbangan Berita: Warga JPA | Penerbitan: Pasukan Komunikasi | Percetakan: Unit Dokumentasi, JPA